

INFO BULETIN UiTM Sarawak Kampus

ISU 60
Julai 2009


UiTM SARAWAK
CELEBRATES SUCCESS
AT THE INVENTION,
INNOVATION AND
DESIGN COMPETITION,
2009  PG. 22

■ UiTM Sarawak
Conference
2008 PG. 4

■ Diploma Show:
Pelajar Grafik
PG. 34

■ UiTM Sarawak At
The International
Level PG. 40

PG. 7



Majlis Perasmian Masjid
Al Qarrawiyyin Oleh YAB
Pehin Sri Ketua Menteri

PG. 10



Forum Pasca Pilihan Raya
ke 12



LAPORAN Ekspo Selangkah KE UiTM 2009

Ekspo Selangkah Ke-UiTM 2009 (ESKU) anjuran Universiti Teknologi MARA Sarawak Kampus Samarahan pada 14 Mac 2009 hingga 15 Mac 2009 telah mendapat sambutan hangat apabila lebih 4,000 pengunjung hadir sepanjang dua hari penganjuran ekspo tersebut berlangsung. Selain penganjuran di Dewan Jubli UiTM Sarawak Kampus Samarahan, ekspo yang sama turut dianjurkan serentak di UiTM Sarawak Kampus Mukah, Mega Hotel dan Pustaka Miri, Hotel Parkcity Everly Bintulu dan Ruang Legar Perpustakaan Sri Aman.

Ekspo yang masuk tahun kedua penganjurannya itu mendapat respon yang cukup menggalakkan khususnya pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia.

Berkonsepkan *One Stop Center*, ESKU menyediakan pelbagai kemudahan kepada pengunjung di bawah satu bumbung, mula dikunjungi pengunjung seawal jam 8.15 pagi. 30 ruang pameran daripada setiap fakulti mengambil bahagian dalam ESKU yang memberi pelbagai maklumat dan informasi kepada para penganjung mengenai kursus-kursus yang ditawarkan. Fakulti Teknologi Kreatif dan Artistik dan Fakulti Pengajian Komunikasi dan Media dari UiTM Shah Alam serta Kolej SATT turut mengambil bahagian.

Kaunter Bank Simpanan Nasional juga disediakan bertujuan untuk memudahkan bakal pelajar membeli nombor pin bagi permohonan menerusi sistem *online*.



Objektif utama penganjuran Ekspo Selangkah Ke UiTM 2009 adalah :-

- 1 Memberi maklumat dan khidmat nasihat mengenai program-program yang ditawarkan di UiTM.
- 2 Memberi penerangan dan penjelasan mengenai prosedur dan syarat-syarat kemasukan ke UiTM.
- 3 Memberi khidmat nasihat dan bantuan dalam proses permohonan kemasukan ke UiTM
- 4 Mengenalpasti program-program yang ditawarkan di peringkat sijil, diploma, sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah di UiTM.



Para pengunjung turut dihiburkan dengan pelbagai persembahan seperti persembahan kesenian, demonstrasi Silat Cekak Hanafi, nyanyian, debat, *live band*, poco-poco dan sebagainya.

Bagi memeriahkan lagi EKSU kali ini, pertandingan ruang pameran terbaik turut diadakan. Pertandingan yang dihakimi oleh pihak berkecuali itu memberi ruang kepada setiap fakulti untuk menunjukkan bakat serta kreativiti mereka dalam menghias dan mencantikkan ruang pameran masing-masing. Fakulti Sains Gunaan menjuarai pertandingan ini diikuti Fakulti Seni Bina Perancangan dan Ukur di tempat kedua sementara Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka di tempat ketiga.

Penganjuran ESKU sememangnya salah satu strategi yang berkesan untuk mencapai sasaran pelajar seramai 200,000 pelajar menjelang tahun 2015. Berdasarkan kehadiran pengunjung yang ramai, UiTM sebagai sebuah universiti awam terbesar di Malaysia, menawarkan yuran pengajian termurah tetap menjadi pilihan utama pelajar untuk melanjutkan pelajaran.



Universiti Teknologi MARA Sarawak,
Jalan Meranek, 94300 Kota Samarahan.
Peti Surat 1258, 93912 Kuching,
Sarawak, Malaysia.
Tel: 082-677 200 Faks: 082-677 300

<http://www.sarawak.uitm.edu.my>



UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA
SARAWAK